



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA SEGERA** **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN TIGA (3) KES BAHARU** **POSITIF COVID-19**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan **tiga (3) kes baharu** positif COVID-19. Daripada 3 kes tersebut, 2 kes adalah dari Daerah Kuching dan 1 kes dari Daerah Samarahan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak setakat hari ini seramai **552 kes**.

Ketiga-tiga kes adalah hasil daripada usaha penjejakan kontak di Daerah Kuching dan Samarahan. Bagi kes positif Daerah Samarahan adalah berkaitan dengan pelajar yang positif dari Tanjung Manis (kolej I-System). Kita dimaklumkan bahawa, pelajar tersebut sebelum balik ke Tanjung Manis, beliau telah melawat rumah kawannya di Samarahan. Dari penjejakan kontak pelajar I-System ini, 11 kontak rapat adalah negatif dan 14 lagi masih menunggu ujian makmal.

Manakala 2 kes positif di Kuching pula, 25 kontak rapat telah disaring dan keputusan adalah negatif.

Juga dimaklumkan bahawa tiga **(3) kes baru** yang telah sembuh dan discaj dari hospital dilaporkan pada hari ini. Daripada 3 kes tersebut, 2 kes dari Hospital Bintulu dan 1 kes dari Hospital Sibul. Setakat hari ini, jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah sembuh dan discaj kekal seramai **476** orang atau **86.23%**.

Seramai **219 PUI** baru dilaporkan dan seramai **187** kes masih menunggu ujian makmal.

Hari ini **Daerah Sibul telah bertukar status daripada status Kuning kepada status Hijau**, manakala **Daerah Samarahan bertukar status daripada status Hijau kepada status Kuning**. Walau bagaimanapun jumlah status daerah berstatus Kuning setakat hari ini kekal sebanyak lima (5) buah dan Daerah berstatus Hijau ialah sebanyak 35 buah.

## **2. LAPORAN PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPB (12 MEI – 09 JUN 2020)**

Pada hari ini sebanyak **3,454** jumlah permohonan pergerakan antara Daerah telah diterima oleh 28 buah Ibu Pejabat Daerah PDRM seluruh Sarawak menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **69,968 permohonan**. Daripada jumlah kumulatif tersebut, sebanyak **64,101** telah diluluskan, **5,867** ditolak.

Pasukan pemantau telah memantau sebanyak **1,820 lokasi** iaitu Pasaraya (279), Restoran (330), Kilang (18), Bank (130), Pejabat Kerajaan (70), Penjaja (170), Pasar Tani / Awam (98), Tempat Ibadah (111), Tempat Riadah (62), Tapak Pembinaan (22) dan lain-lain (530).

Pada hari ini, sebanyak 38 orang awam telah dikompaun kerana cuba merentas Daerah tanpa permit Polis dan menjadikan sebanyak 86 orang dikompaun sejak 19 Mei yang lepas.

Jabatan Imigresen hari ini telah melaporkan seramai 369 tahanan di dua Depot Imigresen (246 di Depot Bekenu dan 150 di Depot Semuja). Daripada 369 tahanan tersebut, seramai 315 sedia untuk tindakan penghantaran balik ke negara masing-masing dan 54 masih menunggu perbicaraan mahkamah.

Jabatan Imigresen akan terus memantau SOP untuk menentukan semua tahanan selamat .

Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak sehingga hari ini telah mengeluarkan sebanyak 286 notis amaran lisan kepada semua pemilik perniagaan yang telah melanggar SOP.

### **3. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri telah beberapa keputusan berikut:

- a) Kepada yang akan menyambut Hari gawai, Ngabang Gawai dari rumah ke rumah dan rumah Panjang ke rumah Panjang **TIDAK DIBENARKAN**. Sambutan Hari Gawai hanya disambut sehari sahaja. Tetapi bagi upacara ritual seperti miring adalah **DIBENARKAN**.

b) Kepada semua pelajar IPTA / IPTS tempatan yang telah balik ke rumah masing-masing yang belum disaring, dikehendaki untuk melapor diri ke pejabat Residen Bahagian. Mereka ini dikehendaki untuk menjalani saringan.

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Home, Save Lives**

**Jaga Sarawak Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**27 MEI 2020**

**3.00 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

Kes Terdahulu	549	Kes sedang dirawat di hospital	58	10.51%
Kes Baharu	3	Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	1	0.18%
Jumlah Individu Disampel	40,552	Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>intubated</i> )	1	0.18%
Kes Positif Keseluruhan	552	Jumlah kes kematian	17	3.08%
IR per 100,000 penduduk	17.89	Kes telah sembuh dan discaj	476	86.23%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	Baru	Kumulatif
Negatif	221	6,384	219	7,123
Menunggu keputusan	185	187		

Status Semasa	SGH Kuching	Hospital Sibul	Hospital Bintulu	Hospital Miri	JUMLAH	
Kes sedang dirawat di hospital	46	7	3	2	58	
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	1	0	0	0	1	
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan ( <i>Intubated</i> )	1	0	0	0	1	
Jumlah kes kematian	15	0	0	2	17	
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	0	1	2	0	3
	Kumulatif	413	24	10	29	476
Jumlah kemasukan semula ke hospital ( <i>Re-tested Positive</i> )	9	8	2	0	19	

DAERAH KUNING (5)											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Samarahan	1	507	1	97	0	80	0	4	13	1
2	Tanjung Manis	22	23	0	1	0	0	0	0	1	1
3	Bintulu	1	237	0	13	2	10	0	0	3	1
4	Serian	2	278	0	21	0	16	0	0	5	1
5	Kuching	180	4,491	2	332	0	296	0	10	26	4
<b>Jumlah</b>		<b>206</b>	<b>5,536</b>	<b>3</b>	<b>464</b>	<b>2</b>	<b>402</b>	<b>0</b>	<b>14</b>	<b>48</b>	<b>8</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

<b>DAERAH HIJAU (35)</b>											
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah Kes Aktif	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.		
1	Sibu	0	101	0	7	0	5	0	0	2	0
2	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0
3	Lundu	2	191	0	1	0	0	0	0	1	0
4	Bau	6	151	0	5	0	4	0	0	1	0
5	Limbang	0	28	0	9	0	8	0	1	0	0
6	Miri	5	515	0	23	0	20	0	1	2	0
7	Simunjan	0	56	0	7	0	7	0	0	0	0
8	Asajaya	0	40	0	5	0	5	0	0	0	0
9	Sri Aman	0	40	0	3	0	2	0	1	0	0
10	Betong	0	158	0	16	1	13	0	0	3	0
11	Lawas	0	12	0	1	0	1	0	0	0	0
12	Mukah	0	34	0	1	0	0	0	0	1	0
13	Matu	0	5	0	1	0	1	0	0	0	0
14	Sarikei	0	90	0	6	0	5	0	0	1	0
15	Saratok	0	21	0	0	0	0	0	0	0	0
16	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Lubok Antu	0	17	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Meradong	0	34	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Tatau	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Daro	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Kapit	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Marudi	0	7	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>13</b>	<b>1,587</b>	<b>0</b>	<b>88</b>	<b>1</b>	<b>74</b>	<b>0</b>	<b>3</b>	<b>11</b>	<b>0</b>

Sumber : **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Pada hari ini, seramai **57** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **38 buah hotel** adalah seramai **797 orang**.

Manakala seramai **11,783 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 27.05.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (246)	Hock Lee	32
2		Rajah Court Dormani	0
3		Kuching Park	0
4		Pullman	12
5		Hilton	61
6		Harbour View	0
7		Waterfront	0
8		Riverside (Astana Wing)	23
9		Riverside (Puteri Wing)	19
10		Grand Margherita	9
11		Imperial Boulevard	90
12	Miri (239)	Mega	28
13		Somerset	9
14		Ostay Inn	13
15		Cosy Inn	0
16		Imperial Palace	5
17		Eastwood Valley	11
18		Imperial	94

19		Kingwood	36
20		Paragon	2
21		Meritz	18
22		Miri Hotel	23
23	Bintulu	Wasan Inn	17
24	(220)	Park City Everly	51
25		Fairfield By Marriott	101
26		101 Hotel	49
27		Kidurong Inn	0
28		Kapok Inn	2
29	Limbang	Purnama	10
30	(55)	Seri Malaysia (Lawas)	44
31		Shangsan	0
32		Mandarin	1
33	Sibu	RH Hotel	9
34	(37)	Premier Hotel	5
35		Li Hua	11
36		Medan	0
37		Paramount	10
38		Tanah Mas	2
<b>Jumlah PUS</b>			<b>797</b>



### 3. LAPORAN PBT DAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)

Pada hari ini, sebanyak **2 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **783 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 27.05.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	259
2	Miri	144
3	Bintulu	62
4	Sarikei	53
5	Samarahan	50
6	Limbang	46
7	Sibu	40
8	Betong	29
9	Sri Aman	29
10	Kapit	26
11	Serian	23
12	Mukah	22
<b>Jumlah</b>		<b>783</b>

Selain daripada itu juga Unit Kesihatan Awam dari PBT telah melaksanakan program nyahcemar di **3 lokasi** oleh PBT yang menjadi tumpuan orang ramai seperti berikut:

(Data sehingga 27.05.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	1
2	MD Kota Samarahan	1
3	MD Serian	3
4	MD Sibul	10
5	BDA	1
6	MD Miri	17
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>